



# SIARAN MEDIA

## **EKSPLO KAMPUNG BARU PAMER KESEPAKATAN PENDUDUK**

**IPOH, 24 November 2024** - YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah merasmikan Ekspo Kampung Baru Tahun 2024 dan Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Kampung Good Zon Utara di Dewan Bandaran Ipoh, dekat sini, pagi ini.

Ekspo dan pertandingan ini dianjurkan secara bersama oleh Persatuan Kebajikan Ahli-Ahli Kraf Kebangsaan dan Kelab Peminat Buku Komuniti Si Zirafah Ulu Langat bermula 22 hingga 24 November 2024.

Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah pameran kraf tradisional oleh 12 Kampung Baru dan Majlis Antarabangsa mengenai Monumen dan Tapak (ICOMOS) Malaysia. Turut diadakan gerai jualan produk Kampung Baru, sesi perkongsian ilmu mengenai Kampung Baru dan persembahan hiburan.

12 Kampung Baru yang menyertai pameran tersebut adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Nama Kampung</b>	<b>Lokasi</b>
1.	Kampung Rangkaian Sungai Pinang	Pulau Pangkor, Perak
2.	Kampung Baru Klian Intan	Pengkalan Hulu, Perak
3.	Kampung Baru Matang	Larut Matang, Perak
4.	Kampung Batu Jeram	Kampar, Perak
5.	Kampung Baru Kampung Cina	Manjung, Perak
6.	Kampung Baru Padang Lembu	Kuala Muda, Kedah
7.	Kampung Baru Berapit	Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang
8.	Kampung Baru Valdor	Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang

9.	Kampung Rangkaian Kasar	Pasir Mas, Kelantan
10.	Kampung Bagan Sungai Udang	Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang
11.	Kampung Rangkaian Kampung Cina	Kota Bahru, Kelantan
12.	Kampung Rangkaian Kaki Bukit	Kangar, Perlis

YB KM dalam ucapannya menyifatkan penganjuran ekspo berkenaan selama dua (2) hari dapat mengeratkan hubungan di antara penduduk Kampung Baru Zon Utara. Menurutnya, kesepakatan penduduk menjadikan penganjuran ekspo berkenaan dapat direalisasikan.

*#MalaysiaMADANI*

*#StrongerTogether*

*#DemiPertiwi*

*#UnityInDiversity*

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat*

*b.p. Ketua Setiausaha*

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

*Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*

